

# Sediakan pelan komprehensif sekuriti bekalan makanan

**SHAH ALAM** – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan kerajaan negeri menyediakan pelan jangka panjang lebih komprehensif meliputi aspek sekuriti bekalan makanan untuk rakyat di negeri itu.

Menerusi kenyataan Facebook (FB) Selangor Royal Office, baginda mahu keutamaan kepada keseimbangan pengeluaran produk makanan industri, hasil tani dan produk oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan.

“Baginda tidak mahu berlaku gangguan sumber bekalan makanan untuk rakyat di Selangor sedangkan negeri ini antara pengeluar signifikan pelbagai produk pertanian dan hasil ter-

nakan.

“Titah baginda, produk makanan yang dihasilkan harus berkualiti tinggi dan dipasarkan pada harga berpatutan demi kelangsungan hidup rakyat,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin berkenan berangkat ke Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang.

Baginda meluangkan masa lebih empat jam di pameran itu termasuk mengunjungi Dewan Pameran Utama Pavilion Negeri Selangor, Laman Agrofood Ternakan, Sayuran, *Miracle Garden* dan *Castle of Fruits*.

Tambah kenyataan itu, Sul-

tan Sharafuddin menyeru Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melaksanakan kajian penghasilan produk hasil tani dan ternakan yang lebih bermutu serta memastikan bekalannya sentiasa mencukupi.

“Baginda turut tertarik dengan pelbagai hasil pertanian menggunakan teknologi terkini dan diusahakan secara kecil-kecilan oleh rakyat, namun memiliki potensi pemasaran tinggi.

“Selain itu, baginda menggesa rakyat menggiatkan aktiviti bercucuk tanam dan ternakan supaya dapat menikmati hasilnya untuk manfaat sendiri dan keluarga,” katanya.



**SULTAN SHARAFUDDIN** diiringi Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan berangkat ke MAHA 2020 di MAEPS, Serdang semalam.